Bahagian A
[20 *markah*]
Jawab **semua** *soalan*.

1. Senarai berikut merupakan timbangan pada zaman dahulu.

- Saga
- Mayam
- Bungkal

Apakah hasil dagangan yang menggunakan timbangan tersebut?

A Kain
B Emas
C Sutera
D Tembikar

2. Gambar berikut menunjukkan Terusan Suez.



Apakah kepentingan terusan tersebut?

A Mengelakkan lanun
B Meluaskan tanah jajahan
C Mempercepat urusan perdagangan
D Mengatasi persaingan kuasa Barat lain

3. Peta berikut menunjukkan kedudukan Batu Uban.



Mengapakah Sultan Kedah menganugerahkan Batu Uban kepada orang Melayu dari Sumatera?

A Membantu Kedah menentang Siam
B Menyingkirkan British dari Kedah
C Memajukannya sebagai pelabuhan
D Menjadikannya pangkalan tentera

4. Apakah kesan Perjanjian London 1824 terhadap Alam Melayu?

I Pembentukan Negeri-negeri Selat
II Pembahagian kepada dua pengaruh Barat
III Perpecahan empayar Kesultanan Johor Riau
IV Pengukuhan kuasa Kesultanan Riau Lingga

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5. Senarai berikut merupakan peristiwa yang dijadikan alasan British untuk mendesak pemerintah tempatan menerima perlindungan British.

- Serangan rumah api
- Rompakan kapal dagang

Apakah negeri yang boleh dikaitkan dengan peristiwa tersebut?

A Perak
B Pahang
C Selangor
D Negeri Sembilan

6. Apakah peranan Majlis Mesyuarat Persekutuan 1909?

A Meluluskan undang-undang di NNMB
B Menyeragamkan pentadbiran di NNMB
C Mengatasi masalah kewangan di NNMB
D Menjaga kuasa Raja-raja Melayu di NNMB

7. Apakah peranan jawatan berikut di Kelantan?

Tok Kweng

A Mentadbir jajahan
B Menguruskan adat resam
C Melantik pembesar negeri
D Mengetuai Majlis Mesyuarat

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

8. Pernyataan berikut berkaitan strategi British menguasai Johor pada tahun 1914.

Mewujudkan jawatan **X** dalam pentadbiran kerajaan Johor

Apakah jawatan **X**?

A Konsul
B Residen
C Penasihat Am
D Residen Jeneral

9. Rajah berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan tempatan di Sarawak.

Kaum **X**	→	Mengamalkan sistem kesukuan

Apakah kaum yang dimaksudkan?

A Iban
B Bajau
C Murut
D Kadazandusun

10. Gambar berikut menunjukkan James Brooke.



Apakah syarat yang dikenakan oleh beliau kepada Pengiran Raja Muda Hashim untuk menyelesaikan masalah di Sarawak?

A Menyerahkan Sarawak kepada beliau
B Mempertahankan hak masyarakat tempatan
C Melantik beliau sebagai Raja Putih Sarawak
D Membantu beliau mengalahkan ancaman lanun

11. Mengapakah Dinasti Brooke dan SBUB membentuk sistem pentadbiran berhierarki?

A Mengelakkan pemberontakan
B Melibatkan penduduk setempat
C Menyelaraskan sistem pentadbiran
D Memelihara hak penduduk tempatan

12. Apakah ciri-ciri ekonomi moden?

I Modal yang besar
II Buruh yang sedikit
III Pasaran tempatan dan terhad
IV Penggunaan teknologi moden

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

13. Apakah hasil galian yang diusahakan di bandar Miri pada abad ke-20?

A Emas **C** Bijih besi
B Perak **D** Petroleum

14. Tanaman berikut telah diusahakan secara komersial di Kuala Selangor pada tahun 1917.



Apakah kuasa Barat yang boleh dikaitkan dengan tanaman tersebut?

A Belanda **C** Portugis
B Perancis **D** Jerman

15. Mengapakah Dol Said menentang cukai yang dikenakan oleh British terhadap Naning?

A Mendakwa Naning negeri merdeka
B Membebankan penduduk tempatan
C Menjejaskan kuasa dan kedudukan
D Memundurkan ekonomi Naning

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

16. Perjuangan tokoh berikut masih dikenang sehingga kini.

Abdul Rahman bin Imam Noh

Apakah negeri yang boleh dikaitkan dengan penentangan beliau?

A Pahang
B Sarawak
C Kelantan
D Negeri Sembilan

17. Apakah kesan penentangan masyarakat tempatan terhadap pentadbiran British?

A Berkongsi kuasa dengan Raja Melayu
B Mengiktiraf kedaulatan negeri Melayu
C Lebih berhati-hati dalam sistem pentadbiran
D Mengembalikan sistem pentadbiran tradisional

18. Falsafah berikut dipegang oleh pemerintah negeri Johor.

Johor mesti jadi Johor

Siapakah pemerintah yang dimaksudkan?

A Sultan Ibrahim
B Sultan Abu Bakar
C Dato' Abdul Rahman bin Andak
D Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi

19. Apakah kemajuan ekonomi yang dapat dikaitkan dengan pemimpin berikut?

• Long Jaafar • Tengku Menteri Ngah Ibrahim

A Penanaman padi
B Perusahaan getah
C Penghasilan kelapa sawit
D Perlombongan bijih timah

20. Gambar berikut menunjukkan logo pasukan Rejimen Askar Melayu.



Apakah moto yang boleh dikaitkan dengan pasukan tersebut?

A Taat Setia
B Kekal Merdeka
C Pantang Menyerah
D Sanggup Berkorban

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B
[40 *markah*]
Jawab **semua** *soalan*.

Untuk Kegunaan Pemeriksa

1. Kestabilan dan kemakmuran negara kita telah mendorong kedatangan pelbagai kuasa Barat.

(a) Senaraikan faktor kedatangan kuasa Barat pada abad ke-16.

[3 *markah*]

(b) Jelaskan slogan "Beban Orang Putih" yang digunakan oleh kuasa Barat untuk meluaskan kuasa.

[3 *markah*]

(c) Teliti ucapan tokoh berikut.

> Negara kita adalah tanggungjawab kita. Bukanlah kita angkuh dan anggap kita begitu pandai sehingga tidak perlu kepada orang lain. Kita sanggup belajar dari Barat dan Timur. Tetapi akhirnya yang akan memutuskan cara mana yang terbaik yang akan diamalkan atau dilaksanakan oleh kita, mestilah kita sendiri.
>
> - Tun Dr. Mahathir Mohamad -

Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengelakkan negara kita daripada dijajah semula oleh kuasa Barat?

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Untuk Kegunaan Pemeriksa

2. Perjanjian Bangkok membawa kepada perubahan penting kepada Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB).

(a) Jelaskan perubahan pentadbiran di:

(i) Kelantan

[2 *markah*]

(ii) Terengganu

[2 *markah*]

(b) Mengapakah perubahan pentadbiran tersebut dilakukan oleh British?

[2 *markah*]

(c) Perubahan pentadbiran di NNMTB tidak mengubah kedudukan Raja-raja Melayu.



RENCANA 15

Institusi raja inspirasi perpaduan

Abdul Aziz Ismail

KEISTIMEWAAN dan kemuliaan negara yang kita cintai ini tidak dapat dipisahkan daripada institusi beraja yang diwarisi sejak berkurun lamanya. Raja-raja Melayu merupakan lambang kedaulatan negara yang memberikan jaminan kepada rakyat untuk hidup dengan aman dan damai.

Sejarah perjalanan ini membuktikan institusi raja yang sekian lama wujud di bumi bertuah ini sentiasa mendapat tempat di hati rakyat. Rakyat berpandangan institusi raja yang diwarisi sejak sekian lama ini sentiasa relevan dan tidak akan dihakis oleh arus kemodenan.

Malah, institusi raja ini sentiasa mendapat tempat di hati rakyat dan sentiasa dihormati dan dijunjung oleh rakyat jelata.

Tidak hairlah jika Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pernah berkata, "bermula dengan api bukan hanya bermakna diri sendiri, tradisi turut membuka peluang kepada kita untuk mewujudkan hubungan baik dengan rakyat dan negara yang kita perintah."

Ini bermakna, institusi raja ini sentiasa relevan dan tidak akan dihakis oleh arus kemodenan kerana

Untuk Kegunaan Pemeriksa

3. Gambar berikut berkaitan dengan penubuhan sekolah vernakular Melayu.





(a) Apakah penekanan yang diberikan kepada sekolah tersebut?

[3 *markah*]

(b) Pada tahun 1905, British menubuhkan Kolej Melayu Kuala Kangsar.
Apakah tujuan penubuhan kolej tersebut?

[3 *markah*]

(c) Jelaskan langkah untuk meningkatkan mutu pendidikan di negara kita.

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Untuk Kegunaan Pemeriksa

4. Pelbagai jenis cukai telah dikenakan terhadap penduduk tempatan di negara kita.

(a) Terangkan cukai yang dikenakan terhadap petani di Pasir Puteh, Kelantan, dalam tempoh:

(i) Sebelum pentadbiran British

[2 *markah*]

(ii) Selepas kedatangan British

[2 *markah*]

(b) Mengapakah pelaksanaan sistem cukai menimbulkan kebencian kepada penduduk Pasir Puteh, Kelantan?

[2 *markah*]

(c) Sistem percukaian penting kepada sesebuah negara. Jelaskan.

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian C
[20 *markah*]
Jawab mana-mana **satu** *soalan daripada bahagian ini*.

Untuk Kegunaan Pemeriksa

1. (a) Sebelum pembentukan Negeri-negeri Selat, Pulau Pinang, Singapura dan Melaka mempunyai pentadbiran sendiri. Jelaskan pentadbiran di:

(i) Melaka (1824 – 1826)

[3 *markah*]

(ii) Singapura (1819 – 1826)

[3 *markah*]

(b) Pada tahun 1826, British telah menggabungkan Melaka, Singapura dan Pulau Pinang dalam satu unit pentadbiran dinamakan Negeri-negeri Selat. Terangkan kepentingan pembentukan Negeri-negeri Selat kepada British.

[6 *markah*]

(c) Pada tahun 2008, Georgetown, Pulau Pinang dan Melaka telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Pada pendapat anda, apakah keistimewaan kedua-dua bandar tersebut?

[8 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Untuk Kegunaan Pemeriksa

2. Kedatangan kuasa Barat membawa kepada penentangan penduduk tempatan di Sabah.

(a) Jelaskan faktor-faktor penentangan Mat Salleh.

[6 *markah*]

(b) Terangkan peristiwa penentangan tokoh tersebut.

[6 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Teliti petikan akhbar berikut.



Sumber: *https://harakahdaily.net/index.php/2022/05/19/filem-mat-kilau-*

Perjuangan tokoh-tokoh tempatan menentang kuasa Barat memberi iktibar dan pengajaran kepada generasi masa kini. Berikan penjelasan anda.

[8 *markah*]

Untuk Kegunaan Pemeriksa

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

NAMA: .....

KELAS: .....

BORANG JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

1.	A	B	C	D	11.	A	B	C	D
2.	A	B	C	D	12.	A	B	C	D
3.	A	B	C	D	13.	A	B	C	D
4.	A	B	C	D	14.	A	B	C	D
5.	A	B	C	D	15.	A	B	C	D
6.	A	B	C	D	16.	A	B	C	D
7.	A	B	C	D	17.	A	B	C	D
8.	A	B	C	D	18.	A	B	C	D
9.	A	B	C	D	19.	A	B	C	D
10.	A	B	C	D	20.	A	B	C	D

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.